

**D.R. 27/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1997.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus empat puluh enam juta satu ratus sembilan puluh lima ribu lapan ratus ringgit (RM246,195,800) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1997, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1997 dan Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1997.

Akta A976.

Akta A990.

(2) Jumlah wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud  (RM)
B. 14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	3,525,000
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	10,568,800
B. 30	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	30,000,000
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	30,000,000
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	5,000,000
B. 47	Kementerian Pengangkutan	167,102,000
	JUMLAH	<u>246,195,800</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1997 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1997 dan Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997.

[PN. (U<sup>2</sup>) 2023.]